

(Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 3.20 petang)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membahaskan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, (2024/2025) yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Sebelum kita meneliti tajuk-tajuk selanjutnya, saya ingin terlebih dahulu mengalu-alukan ketibaan rakan-rakan kita daripada Republik Persekutuan Jerman yang melawat kita ketika ini dan mereka ada bersama-sama dengan kita. *I would like to welcome you for coming to visit us at the Legislative Council and we are now in the midst of discussing our budget proposals. We know we had a chat a few minutes ago, but let me welcome you formally to Brunei and also to our assembly.*

Maka, bagi membolehkan kita meneliti tajuk-tajuk yang terdapat di dalam Rang Undang-Undang tersebut saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang

Berhormat. Sekarang Majlis ini bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, (2025/2024) untuk diteliti satu persatu.

Pada Mesyuarat Jawatankuasa yang diadakan pada sebelah pagi tadi kita telah mula membahaskan dan meneliti belanjawan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.

Bersama saya di sini masih lagi ada senarai Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk ikut serta di dalam membahaskan tajuk kementerian yang berkenaan ini. Untuk memulakannya saya mempersilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim:
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
الْأَئِمَّةِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدُنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi laluan pada kaola untuk serta membincangkan peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.

Terima kasih juga kaola ucapan kepada Yang Berhormat Menteri Hal

Ehwal Dalam Negeri di atas mukadimah yang disampaikan yang begitu komprehensif yang juga mengandungi hala tuju aspirasi tumpuan pencapaian dan inisiatif-inisiatif yang telah sedang dan akan dilaksanakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Sebenarnya, kaola tidak lagi banyak isu yang akan dibangkitkan kerana rakan sejawat yang telah berucap terdahulu pagi ini telah pun menyentuh sebahagian besar isu-isu yang ingin kaola sentuh. Lagipun, dua isu utama iaitu mengenai *long stay pass (visa)* dan pas kerja penduduk asing yang berumur 60 tahun ke atas telah pun diberikan pencerahan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan diucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

Cuma kita mahu melihat pemberigaan yang berterusan dan telus terhadap tatacara kriteria dan syarat-syarat yang diperlukan dalam pelaksanaan dasar ini supaya ia mudah difahami oleh pihak-pihak pemohon yang terlibat dan berkepentingan serta dapat dilaksanakan oleh pegawai-pegawai pelaksana dengan teratur dan sempurna supaya proses permohonan dapat dipendekkan dan menepati peraturan tersebut.

Oleh itu, kaola hanya akan menumpukan *intervention* kaola pada beberapa perkara iaitu:-

1. Mengenai pertambahan bilangan jawatan bagi Jabatan-Jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal

Dalam Negeri. Kalau kaola tidak silap, semuanya berjumlah sebanyak 83 jawatan dalam bahagian perkeranian dan lain-lain. Pertambahan terbesar ialah bagi Lembaga Bandaran Brunei Muara, kemudian diikuti oleh Jabatan Daerah Brunei Muara dan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria.

الْحَمْدُ لِلّٰهِ diucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sekurang-kurangnya ia akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan bagi pencari-pencari kerja. Cuma yang pentingnya ialah supaya pengisian jawatan ini akan dapat disegerakan prosesnya nanti . إِنْ شَاءَ اللّٰهُ .

Walau bagaimanapun, kaola juga ingin pencerahan mengenai keperluan sebenar penambahan ini. Kaola sendiri meneliti kiranya ia dimaksudkan untuk menambah pengutipan hasil agensi-agensi ini, nampaknya dalam petunjuk prestasi utama, sasaran yang dimuatkan mengenai pengutipan hasil adalah konsisten (*constant*) tidak bertambah.

Misalnya bagi Pejabat Daerah Brunei Muara ada yang disasarkan hanya meningkat sedikit sahaja seperti Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan.

Kaola memaklumi penerangan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bahawa

terdapat kenaikan pengutipan cukai tertunggak sebanyak \$46 juta dalam 3 tahun semenjak tahun 2021, syabas dan tahniah.

Walau bagaimanapun, kaola juga ingin memohon perkongsian maklumat mengenai dengan langkah-langkah tambahan yang strategik Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam meningkatkan lagi hasil baru atau pengutipan hasil yang tertunggak.;

2. Mengenai projek 1205-001 pembangunan semula Kampung Air. Kalau kaola tidak silap, ia telah banyak kali kita bincangkan secara panjang lebar pada tahun lepas. Pada Tahun Kewangan 2024/2025 ini, Kerajaan hanya menyediakan sebanyak 1% saja dari jumlah harga rancangan sebanyak \$32.8 juta.

Ini bermakna projek ini masih di peringkat *drawing board* atau *preliminary* sahaja. Kaola memohon penjelasan, apakah masalah sebenar projek ini kerana ia belum berjalan begitu lancar sedangkan peruntukan telah pun disediakan beberapa tahun kebelakangan ini.;

3. Mengenai pelan induk penggunaan tanah terutama di Daerah Temburong. Kalau kaola tidak silap pada tahun 2017, Jabatan Perancang Bandar dan Desa awal-awal lagi telah diminta untuk menyediakan pelan ini semasa perancangan dan pemindahan

Jambatan Sultan Omar Ali Saifuddien.

Ia bertujuan untuk mensejajarkan aktiviti-aktiviti ekonomi Daerah Temburong ini dengan penggunaan jambatan ini supaya akan membantu perkembangan daerah tersebut secara keseluruhannya. Oleh itu kaola ingin memohon penjelasan sama ada pelan penggunaan tanah Daerah Temburong ini telah pun siap dan dapat dibuat asas bagi perkembangan guna tanah dan ekosistem bisnes daerah tersebut secara keseluruhannya.

Kerana dalam Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025, kaola tidak melihat tajuk spesifik yang berkaitan dengan kemajuan Daerah Temburong ini yang mana pada belanjawan yang lepas tajuk ini memang telah disediakan peruntukan di bawah Tajuk Rampaian.

Mohon penjelasan adakah projek ini telah pun ditangguhkan pelaksanaannya atau ditiadakan sama sekali.; dan

4. Mengenai peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri SE01A tajuk kecil 1213/020 ada satu projek iaitu *one MOHA system* yang diperuntukkan sebanyak \$12 juta. Manakala Tajuk SE10A Jabatan Imigresen dan Pendaftaran di bawah tajuk kecil 1209/019 terdapat satu projek yang bertajuk

system e-gate. Yang Berhormat Dato telah menerangkan mengenai tujuan dan sasaran kedua-dua projek ini iaitu untuk perkesankan pemberian perkhidmatan jabatan-jabatan pelaksana di bawah kementerian Yang Berhormat Dato.

Walau bagaimanapun kaola ingin memohon pencerahan adakah sistem ini juga akan mengupgrade sistem ketibaan penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Sebagaimana yang mungkin kita semua alami sistem ketibaan penumpang ada pada masa ini masih menggunakan empat jari yang kadangkalanya sukar *detect* cap jari ini.

Ini menyebabkan kelambatan *long queues* terutamanya apabila jadual ketibaan kapal terbang adalah dalam jangka waktu yang hampir sama.

Oleh itu, kaola ingin mencadangkan supaya *upgrading system* ketibaan penumpang di lapangan terbang ini akan dimasukkan dalam apa jua sistem yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sekiranya belum ada cadangan sedemikian sebagai langkah untuk memudahkan urusan kemasukan penumpang supaya ia lebih mesra pelanggan. Seperti yang kita sedia maklum lapangan terbang adalah tempat penting yang akan membentuk *first impression* pelawat/pelancong mengenai negara yang dilawati mereka.

Yang Berhormat Pengurus, sebenarnya sebelum mukadimah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri itu tadi, kaola sendiri bercadang untuk meminta pencerahan mengenai tajuk kecil 1209-019 di bawah Jabatan Penjara - SE11A iaitu projek penjara Maraburong Fasa 5 yang peruntukan harga rancangan sebanyak \$5 juta.

Kaola mengalu-alukan inisiatif kementerian Yang Berhormat Menteri untuk meletakkan tempat yang terkawal ini dalam satu kawasan yang sama bagi memudahkan logistik dan pengawalan. Namun kaola masih ingin mengetahui adakah keperluan untuk membina projek ini sudah begitu mendesak sehingga tidak dapat ditangguhkan pelaksanaannya bagi memberi laluan kepada projek-projek yang mempunyai keutamaan tersendiri yang mempunyai *spin off* dan impak yang lebih besar kepada kesejahteraan rakyat atau ekonomi tempatan.

Kaola tidak mengatakan bahawa projek ini tidak penting. Dengan keadaan kewangan yang terhad kita perlu meneroka seberapa banyak *opportunity cost* atau pun *option* dalam penggunaan peruntukan yang disediakan supaya ia lebih memberikan impak yang menyeluruh kepada kesejahteraan rakyat. Misalnya jika peruntukan ini digunakan untuk membina perumahan negara bagi pemohon-pemohon yang menunggu giliran sudah setentunya ia akan menampung pembinaan kira-kira 500 buah rumah.

Ini kaola rasa sudah setentunya akan memberikan rumah yang selesa kepada kira-kira 2500 orang penduduk. Atau untuk menambah kemudahan bagi melaksanakan kluster-kluster utama yang telah dikenal pasti misalnya untuk menambah kemudahan-kemudahan rakyat di daerah-daerah yang mana kaola perhatikan jabatan-jabatan daerah ini tidak ada satu pun *project* yang dicadangkan dalam Rancangan Kemajuan Negara ke-12.

Alternatively, mungkin perbelanjaan ini boleh juga digunakan untuk menyediakan infrastruktur pelancongan di keempat-empat daerah atau untuk membina kemudahan-kemudahan perniagaan atau pun tapak-tapak industri bagi menjana ekonomi rakyat dan penduduk termasuk banduan-banduan yang telah dibebaskan dari tahanan. Mohon pencerahan Yang Berhormat Menteri.

Dan yang terakhir Yang Berhormat Pengerusi adalah mengenai kemudahan yang disediakan di tempat-tempat riadah. ﷺ kebelakangan ini kita telah banyak menyaksikan orang ramai terutamanya belia mengamalkan hidup sihat dengan cara riadah berjalan kaki, jogging, mendaki bukit dan lain-lain.

Kita juga menyaksikan beberapa kawasan *trekking* dan taman-taman riadah baru telah dibuka untuk maksud itu. Persoalan yang kaola ingin ajukan ialah mengenai kemudahan-kemudahan dan pemeliharaan fasiliti tersebut.

Ada sebahagian tempat-tempat riadah ini telah pun disediakan tandas-tandas dan kemudahan-kemudahan yang lain cuma yang menyediakan tandas-tandas yang terdapat di sebahagian tempat ini adalah dalam keadaan sangat mendukacitakan, tidak terpelihara dan mangkuk tandas pecah dan kotor.

Kaola cadangkan sekiranya peruntukan yang diberikan pada kementerian dan agensi untuk memelihara kemudahan-kemudahan ini tidak mencukupi, kementerian boleh membukakan satu program *sponsorship* dari syarikat-syarikat yang ingin memperbaiki dan memelihara kemudahan-kemudahan tersebut ataupun *thinking outside the box* satu lagi *option* adalah dengan mengadakan kutipan derma melalui *online* seperti yang dilakukan bagi kutipan derma pertolongan bencana bagi negara-negara luar kerana budaya orang Brunei adalah paling suka membuat kebijakan dan menghulurkan derma dan bersedekah.

Sekianlah yang dapat kaola sampaikan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan dan saranan yang diberikan.

Mengenai dengan tambahan jawatan di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sebenarnya bukan penambahan jawatan tetapi adalah penyerapan daripada jawatan gaji hari yang dulu *open vote*

diserapkan untuk gaji bulan dan memang nampak bertambah.

Berkenaan dengan langkah tambahan strategik dalam meningkatkan kutipan hasil sebagaimana yang kaola nyatakan tindakan-tindakan yang diambil dari Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan dan bandaran-bandaran lain, *especially when come* daripada tunggakan hasil ini bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkenaan. Ertinya kebenaran atau pun tindakan diperolehi melalui Jabatan Bandaran, jika sekiranya tempat perniagaan tersebut memerlukan *OP* iaitu hendaklah dibayar dulu tunggakan berkenaan.

Berkenaan hasil-hasil lain memang sudah dalam perancangan kementerian sebagai contoh Jabatan Imigresen, Jabatan Buruh dan sebagainya.

Mengenai Kampong Ayer, sebenarnya skop bagi projek ini akan dibincangkan dalam Rancangan Kemajuan Negara dari segi perubahan skop dan *revitalisation of Kampong Ayer* sebagai contoh untuk menyediakan jambatan yang diperlukan oleh penduduk di Kampong Ayer.

Berkenaan dengan pelan induk dari segi guna tanah ini di bawah Kementerian Pembangunan berkenaan di Daerah Temburong. Mungkin kaola tidak dapat menjawab Yang Berhormat Yang Di-Pertua, mungkin rakan sejawat kaola yang berkenaan pelan induk di Daerah Temburong ini dari segi guna tanah akan dijawab oleh Kementerian Pembangunan. Tapi satu sahaja yang

kaola dapat kongsikan di sini iaitu berkenaan penyerahan autoriti kemajuan Daerah Temburong ke Jabatan Daerah memang sudah diterima melalui Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

اللَّهُ عَزَّ ذِيْلَهُ عَلَيْهِ الْحَمْدُ sebagaimana dalam mukadimah kaola, dari segi perancangan bandar termasuk juga daerah-daerah sudah pun dibincangkan untuk kemajuan daerah masing-masing. Berkenaan dengan *One MOHA System* dan *E-Gate* ini, kaola ucapkan ribuan terima kasih atas saranan Yang Berhormat berkenaan sama ada penggunaan 4 jari ataupun untuk menaik taraf.

Memang dalam penggunaan *border control system* pada masa ini Yang Berhormat sudah dinaik taraf, penggunaan 4 jari itu adalah untuk toleransinya, ertinya kalau 1 jari tidak berfungsi, 3 jari akan digunakan. Ia untuk memastikan *readibility* dari segi *fingerprints*. اللَّهُ عَزَّ ذِيْلَهُ عَلَيْهِ الْحَمْدُ abiskaola akan membuat penelitian dari segi *E-Gate*.

E-Gate ini sebenarnya kalau kita lihat dari negara lain memang menggunakan *fingerprint as identifier* ataupun *facial recognition*. Jadi, itu masih dalam perbincangan sama ada menggunakan *facial recognition* atau *four fingerprint* yang mana yang lebih bersesuaian dari segi keselamatannya. Jadi, *E-Gate* yang ada di pos kawalan lapangan terbang masa ini memang sudah di *upgrade* sistemnya dan boleh digunakan. *One MOHA System* ini memang sebagaimana yang kaola nyatakan tadi dalam mukadimah, ia melibatkan dari segi

National Emergency Response System untuk Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan dan lain-lain lagi yang semua dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri itu akan dapat di *digitalise* dari segi perkhidmatannya dan perkhidmatan-perkhidmatan lain di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang kedua, berkenaan penjara Maraburong Fasa 4 dan Fasa 5, sebenarnya ini adalah strategik insiatif Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Penjara. Yang pertama, untuk *consolidate*. Yang kedua, untuk memastikan *optimisation of manpower* dari segi *warder* yang bekerja di dua institusi penjara masa ini iaitu Penjara Jerudong dan Penjara Maraburong. Kalau 'kitani' lihat dari segi ekonominya, dengan harga rancangan yang disediakan itu, kita boleh membina 500 buah rumah, cuma kita mesti mengimbangi dari segi sekuriti dan juga kemaslahatan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Ertinya, intitusi penjara ini memerlukan satu tempat bersesuaian. Pada masa ini kita maklum di Jerudong, dari segi infrastrukturnya tidak begitu *secure*, jadi perlu untuk dibuat baru. Dari segi jumlah kapasiti di penjara, memang sudah dikawal sebenarnya.

Pada masa ini, sedang dibaiki sel penjara di Maraburong untuk memastikan keselesaan. Jadi, 'kitani' sebenarnya banyak faktor yang menyebabkan projek-projek ini perlu diteruskan untuk memastikan sekuriti

dan juga *optimisation of manpower* Jabatan Penjara.

Ada soalan dari Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf berkenaan dengan jumlah yang masuk ke penjara. Berdasarkan rekod 2022, yang dibebaskan dari penjara adalah seramai 395 orang. Daripada 395 orang itu, 74 orang didapati melakukan kesalahan semula, iaitu 71 orang lelaki dan 3 orang wanita. Kalau dilihat dari segi *demographic* yang berumur 30 tahun ke bawah, 28 orang lelaki dalam kalangan belia telah melakukan kesalahan yang berulang.

Sama juga pada tahun 2023, yang dibebaskan 585 orang, seramai 102 orang, iaitu 98 orang lelaki dan 40 orang wanita didapati melakukan kesalahan semula. Daripada itu, dari kalangan belia 24 orang lelaki dan seorang wanita. Kebanyakan kes-kes yang masuk semula adalah kes curi, kes dadah dan kes menceroboh.

Berdasarkan pada penyelidikan yang dilaksanakan oleh *CSPS*, antara sebab mengapa mereka masuk semula adalah kurang ketahanan jati diri dalam menempuh cabaran luar. Inilah yang kaola maksudkan tadi dari segi *community outreach program* dan intitusi keluarga, kurang sokongan daripada ahli keluarga, terpengaruh semula dengan kawan-kawan lama, kelakuan atau tabiat (*habitual offending*), kesukaran mendapat perkerjaan, masalah sumber kewangan dan masyarakat sendiri tidak

sedia menerima mereka. Itu saja yang dapat kaola kongsikan Yang Berhormat Yang Di-Pertua, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abd Momin.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abd Momin:
Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. *بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ*

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
الْأَئِمَّةِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدُنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَيْهِ وَصَحْبِيهِ
أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli
Yang Berhormat وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera

Kaola ada 2 soalan:

1. Mengenai Aspirasi 2 di kementerian. Dalam tempoh 5 tahun kebelakangan ini, kaola telah melihat sedikit perubahan besar (*big transformation*) dalam pembangunan bandar dan daerah terutamanya di Daerah Belait dan Temburong. Kaola juga mengambil perhatian dalam maklum balas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada soalan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf pada sesi pagi tadi mengenai Hal Ehwal Bandaran dan penambahbaikan Bandar Seri Begawan. Dalam sesi pagi tadi, ada

inisiatif dari kementerian untuk merujuk semula pelan induk BSB (*BSB Masterplan*). Kaola hanya mengetahui tentang *BSB Masterplan* yang diberi maklum pada tahun 2010 yang juga telah mewujudkan banyak projek infaktrustur besar seperti Jambatan RIPAS dan Eko Koridor BSB. Ini juga menimbulkan beberapa perhatian tentang kedudukan semasa *BSB Masterplan* ini dalam menjadikan ibu negara kita lebih *vibrant*. Juga merujuk pada Aspirasi 2 dalam pelan strategik Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri 2023-2027 iaitu Transformasi Pembangunan Bandar dan Daerah dan Memperkasakan Pembangunan Komuniti.

Soalan kaola yang pertama, bagaimana penilaian kementerian terhadap pencapaian Aspirasi 2 ini? Dengan hanya 4 tahun yang tinggal untuk mencapainya, apakah rancangan terperinci kementerian untuk memastikan pencapaian Aspirasi tersebut?

Yang kedua, bagaimanakah kesan keseluruhan dari aspirasi ini terhadap kualiti kehidupan masyarakat tempatan di bandar dan daerah? Apakah kemajuan yang telah dicapai termasuk dalam akses kepada perkhidmatan asas, peluang ekonomi atau persekitaran fizikal? Berapa banyak perkerjaan yang dijangka akan dicipta melalui aspirasi ini? dan yang terakhir, adakah kementerian merancang untuk mengadakan semakan

semula terhadap *BSB Masterplan 2010* untuk transformasi pembangunan bandar dan daerah. Adakah juga terdapat rancangan serupa untuk merancang pembangunan pekan-pekan dan daerah-daerah lain di Brunei Darussalam? Jika ada, adakah *masterplans* ini akan diberikan kepada orang-orang ramai terutama bagi pihak berkepentingan swasta dan juga awam.

Kaola mencadangkan agar aspirasi yang kedua ini dimasukkan ke dalam KPI kementerian yang akan datang dengan peruntukan khas untuk inisiatif-inisiatif yang dirancang dan ada baiknya rancangan bandar dan desa di kawasan bandar dan desa yang lain diadakan *mesterplan* yang lebih teliti dan seajar dengan inisiatif kerajaan yang lain bagi pembangunan masa pendek, sederhana dan panjang.

2. Penglibatan warga asing dalam perniagaan. Kaola mendapati dalam akhbar dan berita negara jiran mengenai perniagaan yang 98% dikuasai oleh warga asing di kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan. Mengambil iktibar dari perkara ini, walaupun situasi di negara ini tidak kritikal namun lebih baik bagi pihak berwajib untuk menangani isu ini secepatnya. Kemasukan warga asing

ke negara ini terutama ke Daerah Temburong semakin ketara sejak pembukaan Jambatan Sultan Omar 'Ali Saifuddien, kemasukan ini hendaklah dipantau oleh pihak kementerian.

Kaola juga mengusulkan supaya semua lima belas pintu kedai yang ada di sekitar Pekan Bangar yang terkenal dengan gelaran "Permata Hijau" atau *Green Jewel of Brunei Darussalam* diungkayahkan sepenuhnya oleh warga tempatan. 'Pembisan' Pekan Bangar telah menelan kos tinggi yang ditanggung sepenuhnya oleh pihak kerajaan. Pelaburan kerajaan ini sepatutnya dinikmati oleh rakyat yang bermastautin di Daerah Temburong.

Kaola cadangkan supaya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menerajui bersama agensi kerajaan yang lain untuk mengatasi isu-isu ini dengan segera sebelum ia menjadi masalah yang besar di Negara Brunei Darussalam.

Sekian saja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih, Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin berkenaan soalan dan saranannya mengenai aspirasi kedua.

Sebenarnya dalam pelan strategik Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, terdapat KPI yang ditentukan bagi setiap

aspirasi. Memandangkan soalannya menjurus kepada aspirasi kedua, iaitu Transformasi Pembangunan Bandar dan Daerah, dan Memperkasakan Pembangunan Komuniti. Sebagai contoh, bagi bandar dan daerah yang bersih terdapat 5 KPI yang disediakan sebagai contoh.

Soalan ini juga menyentuh soalan yang belum kaola jawab, iaitu soalan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim berkenaan dengan tandas awam, jadi sebagai contoh; KPI yang di ‘set’ di bawah matlamat bandar dan daerah yang bersih, penguatkuasaan dilaksanakan bagi Akta Kesalahan Rampaian.

Dari segi kesalahan dan *compliance*, peratus tandas awam di bawah kawalan kementerian yang penggredannya cemerlang, pematuhan pada Akta Kesalahan Rampaian, iaitu kompaun dikenakan, termasuk juga perbandaran yang maju dan mampan dari segi peratus ataupun jumlah tanah lokasi pembandaran yang dimajukan. Sebagaimana mukadimah kaola juga tadi, transformasi pembangunan bandaran dan daerah dan memperkasakan pembangunan komuniti sebagaimana kaola sebut berkenaan dengan *BSB Masterplan* yang telah kaola kongsikan berkenaan dengan pencapaiananya.

Ia sudah dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Kerja untuk dilaratkan ke daerah-daerah, iaitu pembangunan

daerah-daerah dan juga jika kaola dapat kongsikan, dari segi matlamat ketiga, ketersediaan prasarana kawasan-kawasan bandar dan daerah, iaitu jumlah prasarana yang diambil tindakan untuk meningkatkan hasil dari lawatan dan pemantauan, peratus prasarana di mukim kampung yang digunakan.

Semua aspirasi-aspirasi ini dan matlamat-matlamat ini bukan dilaksanakan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sendiri. Ia melibatkan kementerian-kementerian yang lain yang boleh melakukan prasarana. Peranan kementerian dari segi pembangunan daerah-daerah juga pernah dipersoalkan.

Sebenarnya, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan kementerian-kementerian yang lain memainkan peranan penting dalam pembangunan-pembangunan daerah. Sebagai contoh, pembangunan *hospital* dari segi *business centrenya*. Sebagai contoh, Yang Berhormat Pengerusi dari segi soalan kedua, kemasukan warga asing dalam Daerah Temburong. Kalau ‘kitani’ lihat dahulu, sebelum ada jambatan untuk mereka ke Daerah Temburong mesti ‘beliun’ *so* untuk ‘menyubalah’ mesti memerlukan *immigration procedurenya*, *that’s why* sebelum jambatan memang tidak ketara kemasukan warga asing ke Daerah Temburong tetapi dengan jambatan ini memang *accessibility* menjadi senang.

Tapi dari segi pengawalan sebenarnya, kaola tidak melihat ia sebagai satu isu.

Satu daripadanya *in terms of labour policy*, memang semua permohonan lesen pekerja asing dinilai dari segi keperluannya.

Kedua, peranan orang ‘kitani’ yang memegang lesen-lesen perniagaan ini juga perlu ditekankan jadi sebenarnya perkara ini mesti ada *balance* dari segi *give and take*. Lagipun, kalau terlihat warga asing ini boleh juga menyumbang kepada kemajuan ekonomi ‘kitani’ jadi kaola inda dapat menjawab secara *specific* kemasukan warga asing ke Daerah Temburong ini menjadi suatu isu. Kalau pintu-pintu di kedai di Bangar diungkayahkan oleh orang-orang tempatan memang itu aspirasi sebenarnya untuk orang ‘kitani’ bekirih juga. Itu digalakkan untuk menentukan sama ada pintu-pintu untuk orang tempatan dan ia dilihat juga empunya lesen untuk melakukan perniagaan berkenaan.

Sebagaimana juga yang kaola terangkan tadi kemasukan warga asing ini memang ada proses-proses tertentunya. Itu saja, Yang Berhormat Pengerusi yang dapat kaola jawab berkenaan dengan soalan dan saranan daripada Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya mempersilakan sekarang Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam:
Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
الْأُنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَلَّمَنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ
أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat dan salam sejahtera.

Dalam kesempatan ini, kaola terus saja ingin merujuk kepada kenyataan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada pagi tadi dalam maklum balas terhadap perbahasan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf mengenai perusahaan produk-produk 1K1P.

اللَّهُمَّ، اسْهِبْ احْمَدُ
usaha-usaha untuk mengembangmajukan produk ini sedang dilaksanakan melalui kerjasama pihak-pihak yang berkepentingan seperti *Ghanim International Corporation Sdn. Bhd.*, namun yang menarik perhatian kaola tadi, apa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri nyatakan dan juga dinyatakan oleh pemimpin-pemimpin dalam kerajaan ialah halangan mengenai produk ini iaitu berkaitan dengan *mass production* produk-produk 1K1P ini dan pada pagi tadi Yang Berhormat Menteri juga mengatakan bahawa sambutan daripada pengusaha-pengusaha di mana hanya

satu syarikat sahaja yang bersetuju untuk bekerjasama dengan *Ghanim International Corporation* sedangkan apa yang kaola fahamkan tadi kerjasama ini berpotensi untuk menaik taraf program ini sebagai satu sumber ekonomi mampan yang berdaya maju bagi masyarakat kampung.

Di sini kaola ingin bertanya, memohon pencerahan dari Yang Berhormat Menteri mengenai kenyataan tadi, apakah alasan-alasan yang diberikan oleh pengusaha-pengusaha tersebut untuk menolak kerjasama berkenaan dan apakah sokongan yang dapat diberikan oleh pihak kerajaan atau pihak kementerian dan pihak-pihak lain yang berkaitan kepada pengusaha-pengusaha tersebut untuk mereka bersetuju menyertai kerjasama yang pada pandangan kaola yang menguntungkan ini.

Yang Berhormat Pengurus dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bagi menggalakkan pengeluaran produk 1K1P ini dan menjadikannya lebih berdaya maju dari segi ekonomi, maka pada pandangan kaola objektif program hendaklah difokuskan kepada memenuhi pasaran tempatan dan meneroka pasaran serantau dan antarabangsa. Oleh itu, kaola juga sukacita mencadangkan supaya produk-produk 1K1P ini diusahakan secara *franchise* iaitu dengan mengenal pasti produk-produk unik yang mempunyai *demand* yang tinggi dan berpotensi untuk diusahakan dan dihasilkan secara bersama oleh

pengusaha-pengusaha dalam skala yang besar.

Produk-produk tersebut bolehlah melalui proses pemilihan dan penilaian serta percubaan-percubaan berterusan dengan penambahbaikan dan dikongsikan produk-produk yang terpilih tersebut kepada pengusaha-pengusaha lain yang berminat untuk diusahakan bersama dan contohnya jika ia merupakan makanan, jadi ia akan diusahakan bersama dengan resipi yang sama dan cara pembuatan yang sama bagi memastikan keselarasannya dan jumlah hasil yang dihasilkan akan bertambah dan bagi memastikan kualiti yang lebih tinggi dan ia diterima ramai, setiap produk disahkan kehalalannya dengan pensijilan Halal Brunei.

Yang Berhormat Menteri juga telah menyentuh mengenai *packaging product* yang telah dinaik taraf. Jadi *packaging product* ini juga amat penting untuk menarik minat pengguna agar menepati piawaian serantau dan antarabangsa. Kejayaan projek-projek 1K1P ini adalah tertakluk kepada komitmen masyarakat selaku pengusaha. Oleh itu, bagi menarik minat pengusaha-pengusaha untuk mengikuti projek ini dalam skala yang besar, adalah amat penting untuk memberitahu atau memberikan pengetahuan jelas dan kesedaran kepada pengusaha-pengusaha mengenai kepentingan projek kepada masa depan ekonomi mereka dan negara. Penjelasan yang telus dan terbuka mungkin akan menarik minat pengusaha-pengusaha tersebut mengikuti projek tersebut.

Memberikan bimbingan dari pelbagai aspek perekonomian, kewangan, pengedaran dan pemasaran produk dengan penglibatan agensi-agensi yang lain dan melibatkan juga kementerian-kementerian seperti Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri untuk menyokong dan membantu pasaran dan promosi di luar negara.

Perkara kedua yang ingin kaola kemukakan di sini ialah mengenai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang berkaitan dengan produk 1K1P yang terkandung di dalam buku belanjawan iaitu peratus daripada jumlah keseluruhan usahawan 1K1P yang menyertai aktiviti dalam meningkatkan perekonomian masyarakat kampung dan sasaran bagi tahun 2024/2025 ialah 60%. Jadi pada pandangan kaola, jumlah penyertaan yang terdapat di dalam KPI tersebut tidak mencerminkan peningkatan ekonomi. Peningkatan taraf hidup dinilai daripada pendapatan yang diperolehi pengusaha hasil daripada pengeluaran produk berkenaan. Oleh itu, kaola mencadangkan untuk masa akan datang supaya KPI ini diteliti semula dan dikemaskinikan lagi.

Seterusnya kaola menyentuh mengenai ketersediaan prasarana bagi komuniti sebagaimana merujuk kepada pembentangan Yang Berhormat Menteri pagi tadi mengenai kerjasama dengan Kementerian Pembangunan berkaitan 13 tapak yang telah diwartakan untuk menggantikan tempat-tempat berjaya yang terletak di tepi-tepi jalan. Mengambil kira aspek keselamatan dan

kesejahteraan penjaja-penjaja yang berkenaan, di samping memastikan persekitaran, kaola berharap agar projek penyelenggaraan dan penggantian tempat berjaya yang kurang kondusif ini diberikan keutamaan dan disegerakan.

Kaola mengambil contoh kawasan penjualan sayur-sayuran atau buah-buahan dan juga makanan yang terletak di tepi jalan di kawasan Pasar Ikan Jerudong dan juga Tamu Selera di Bandar Seri Begawan. Penaiktarafan segera tempat-tempat seperti ini dengan bangunan kekal yang besesuaian dan lebih kondusif akan memberikan keselesaan kepada masyarakat setempat dan mewujudkan persekitaran yang selamat dan bersih.

Para pengusaha juga mestilah ditekankan dengan tanggungjawab untuk menjaga kebersihan dan memelihara serta mengekalkan keadaan bangunan yang asal. Keadaan ini juga akan memberikan gambaran yang baik kepada penduduk setempat dan para pelancong yang berkunjung ke negara ini mengenai pemedulian pihak kerajaan terhadap kebijakan dan kesejahteraan semua peringkat rakyat dan penduduk di negara ini.

Sekian yang kaola kemukakan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.
وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Dayang

Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

Ada beberapa soalan berkenaan dengan 1K1P. Kaola ada menyatakan sebenarnya bukan tidak bersetuju. 11 pengusaha dijemput dan 1 pengusaha sahaja berkesanggupan ataupun menerima cadangan daripada *Ghanim International Corporation*. Jadi kalau 'kitani' bercakap pasal bisnes ini, kalau dulu 1K1P, berkenaan *whatever one-dollar* dijual, *one-dollar* masuk ke poket. Tetapi dengan *collaboration* dengan *Ghanim International Corporation* ini, dengan *mass productionnya*, ia memang *deduct* dari *segi operational cost*. Pemahaman dari segi *business dealing* ini sudah dibincangkan dengan pengusaha-pengusaha ini.

Jadi kalau 'kitani' lihat kenapa alasan-alasan yang selalu diterima oleh pengusaha 1K1P, selalunya:

1. Mereka selalu merasa cukup dengan *profit* yang diterima yang buat di rumah ini;
2. 1K1P adalah hobi bukannya ia sebagai bisnes;
3. Tidak bersetuju dengan rundingan harga yang ditawarkan;
4. Tidak mahu *share* resepi ertinya seorang-seorang punya resepi.

Jadi peranan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk memastikan *mass production* untuk mendapatkan mereka punya *sales* yang besar adalah salah satu daripada aspirasi Kementerian. Sebagaimana yang kaola kongsikan, hampir 900 ribu daripada jualan-jualan

yang dibuat oleh daripada pengusaha 1K1P ini daripada 160 pengusaha yang kaola kongsikan tadi itu dan *compared to* 2022. Jadi inilah cabaran-cabaran dari segi *packaging*, memang tidak ada kos kepada pengusaha jika ia dilaksanakan oleh syarikat-syarikat berkenaan. Dari segi kehalalannya, memang akan dijamin kehalalannya lagipun dapur yang akan digunakan ini adalah "*certified kitchen*".

Jadi, kaola juga menyarankan peranan daripada Majlis Perundingan Mukim dan Kampong, Penghulu Mukim dan Ketua Kampong untuk memastikan pengusaha 1K1P ini juga memahami aspirasi Kementerian untuk menaikkan ekonomi atau taraf sara diri masing-masing.

Jadi kalau 'kitani' membuat matematik, 900 ribu dibahagi dengan jumlah pengusaha. Jumlah pengusaha lain lagi, dalam 1 pengusaha mungkin dalam 5 orang ke 6 orang, jadi dari segi *income* memang rendah. Ini inisiatif Kementerian untuk melaksanakan dengan berkerjasama dengan *Ghanim International Sdn. Bhd.*

Ada produk-produk yang telah dicadangkan bagi kerjasama, sebagai contoh di Daerah Brunei Muara kueh kipang, buah nanas, keropok udang. Bagi MPK Tungku Katok ini juga Kementerian akan membantu untuk mengembangluaskan perusahaan pertanian sepertimana di Daerah Tutong dengan keripik ubi manis, produk sambal dan sebagainya.

Jadi ada sudah beberapa produk-produk yang dikenal pasti oleh *Ghanim International* Sdn. Bhd., hanya penerimaan daripada pengusaha adalah sangat penting.

Berkenaan dengan 13 tapak ini di mana satu telah diwartakan kepada Jabatan Daerah Brunei-Muara dan 12 lagi dalam proses. Sebanyak 7 tapak telah dibenarkan untuk *early development*.

Memang ini adalah hasrat untuk memindahkan ke tapak-tapak ini. Tapak-tapak yang dipilih ini juga sudah dirundingkan dengan MPM/MPK dan bukannya pemilihan yang dibuat oleh Kementerian. Ia sudah dirundingkan dan dikenalpasti di mana tapak yang bersesuaian untuk pengusaha-pengusaha yang di tepi jalanan ini, dan, segi keselamatan diambil kira.

Ada juga Yang Berhormat menyentuh berkenaan di Pasar Jerudong dan yang lain-lain dari segi kebersihan, yang memang sudah dalam penelitian kementerian mengenainya.

Berkenaan dengan *KPI* yang tidak mencerminkan peningkatan ekonomi, sebenarnya *based number* daripada jumlah *sales* tetapi kalau 'kitani' lihat *KPI* ini sebagai tanda aras. Jadi kementerian meneliti sedalam-dalamnya, jadi memikirkan adakah dengan mendapatkan jumlah *sales* itu boleh menaikkan ekonomi satu-satu pengusaha tetapi jika dilihat dari segi matematik pun kalau dibahagikan kepada *total*/pengusaha 1K1P ini, ia tidak besar.

Jadi untuk mengembangkan produk 1K1P ini adalah salah satu cara untuk 'kitani' menaikkan taraf sara diri cuma alasan-alasan yang diberikan ini cukup dengan apa yang dijual, tidak mahu berkongsi *recipes*.

الله اعلم إن شاء الله perkara ini akan kaola rundingkan dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat mewakili zon-zon akan bagaimana 'kitani' memastikan penerimaan daripada pengusaha 1K1P ini dari segi ekonomi, dari segi mempelbagaikan produk dan sebagainya;

Berkenaan dengan Tamu Selera, memang masa ini dalam perancangan reka bentuk untuk mengusai, sudah dirundingkan bersama dengan peniaga-peniaga di sana untuk melaksanakan dari segi struktur kekalnya. Jadi perkara ini tergendala berkenaan dari segi *structure* disebabkan oleh beberapa perkara.

الله اعلم إن شاء الله perkara ini ditangani oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan. Dari segi tapak tanah pun sudah dirundingkan dengan pihak Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan yang mana tapak tanah di Tamu Selera masa ini memang di bawah kawalan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi yang dapat kaola terangkan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee

Yang Berhormat Chong Chin Yee:

Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengurus atas kesempatan kaola untuk membincang Tajuk ini. Kaola juga ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas mukadimah yang disampaikan dengan komprehensif berkaitan hala tuju serta usaha dalam mencapai pembangunan dan kemajuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Pengurus dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, soalan pertama kaola adalah di bawah tajuk SE01A dan SE08A mengenai petunjuk prestasi utama bagi Pejabat Daerah Tutong. Jumlah kutipan hasil projek-projek perekonomian Majlis Perundingan Mukim dan Kampong bagi tahun 2022/2023 telah memperlihatkan peningkatan ketara sebanyak 107.13% daripada \$191,983.84 kepada \$397,653.55.

Walau bagaimanapun, sasaran untuk tahun berikutnya kekal rendah iaitu dalam anggaran \$120 ribu ke \$150 ribu. Adakah sasaran ini belum disemak untuk mereflect pertumbuhan ekonomi tersebut dan apakah faktor menyumbang kepada peningkatan ketara dalam hasil ini.

Seterusnya kaola ingin menyentuh berkaitan dengan Majlis Perundingan Kampong (MPK), kampong-kampong yang berkembang maju sememangnya menyumbang ke arah dimensi ekonomi, sosial, alam sekitar dan budaya sekaligus memberi impak positif dan manfaat secara holistik pada kawasan bandar

mahu pun luar bandar. MPK memainkan peranan penting dalam memberi khidmat nasihat dan sokongan kepada ketua kampung melaksanakan program-program kemasyarakatan, meningkatkan kebajikan dan keselamatan kampung serta membantu negara dengan tugas-tugas kerajaan.

Kaola merasa bahagia dan teruja melihat semakin ramai anak muda melangkah ke hadapan memegang jawatan sebagai ketua kampong dalam memberi impak signifikan terhadap kemajuan kampong dan negara. *Trend* ini bukan sahaja menghidupkan semula kepimpinan masyarakat tetapi juga menjanjikan pendekatan inovatif dalam menangani cabaran unik kampong kita.

Walau bagaimanapun, keberkesanan MPK perlu dipertingkatkan lagi melalui bimbangan dan latihan yang lebih baik untuk ahli-ahli yang baru dipilih. Terutama atas dasar status dan tindakan mereka menjadi sukarelawan serta pembiayaan atau *funding* yang terhad.

Kaola mengambil baikmengenai maklumat yang dikongsi pagi tadi bahawa rangka kerja kompetensi dan kecekapan telah dirujukkan untuk penghulu-penghulu dan ketua kampung. Oleh yang demikian, kaola juga ingin mencadangkan inisiatif yang sama untuk MPK iaitu dengan buku panduan *standard* dan program induksi berstruktur bagi memastikan mereka dapat memenuhi peranan dan tanggungjawab dengan sebaik mungkin sekali gus mengukuhkan komitmen

terhadap kesejahteraan dan pembangunan masyarakat.

Terakhir, mengenai warisan kulinari negara kita. Ambuyat merupakan hidangan yang merangkumi jiwa bangsa kita namun kekal sebagai hidangan di luar sempadan. Hidangan ini sangat tertanam dalam warisan kita yang dibuat daripada sago dan mempunyai sejarah yang kaya sejak 800 tahun lalu yang didokumentasikan oleh kaum Ukong dari Dinasti Sung Selatan. Oleh kerana ambuyat melambangkan tradisi makanan Brunei dan kemasyhuran teknologi makanan, soalan-soalan kaola ialah:

1. Apakah usaha-usaha yang sedang dilakukan untuk meningkatkan *profile* ambuyat di peringkat global serta menjadikan sebagai simbol Negara Brunei Darussalam yang diiktiraf di seluruh dunia?;
2. Dicadangkan pihak kementerian bekerjasama dengan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menjadikan Ukong sebagai kawasan utama dan tumbuhan bagi keluaran atau *production* ambuyat sebagai hub pelancongan yang dinamik. Pembangunan dan perubahan ini akan menginovasi sago dan menawarkan penerokaan yang *authentic* mengenai kepentingan budaya dan tradisi makanan Brunei. Dengan mempromosikan ambuyat dan Ukong bukan sahaja dapat memperkayakan dan meningkatkan lagi sektor pelancongan di Brunei

tetapi juga menarik dan memelihara warisan budaya kita yang unik untuk generasi akan datang.

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Dalam Negeri: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee berkenaan soalan-soalan dan saranan.

1. Berkenaan peningkatan hasil. Faktor yang menyumbang kepada peningkatan hasil perekonomian 1K1P adalah dari segi bertambahnya *platform*, dari segi perekonomian yang telah memberi peluang kepada penyertaan pengusaha-pengusaha.

Sebagai contoh, hasil pendapatan ini didapatkan secara bulanan melalui jualan *expo pameran* dan jualan yang disertai oleh para pengusaha, lawatan ke produk yang menyumbang kepada aktiviti perekonomian, program kebeliaan 3K, Tamu Mingguan 1K1P, Tamu Bulanan MPK dan sebagainya Yang Berhormat Pengerusi, maka Majlis Perundingan Mukim dan Kampung jua aktif mengadakan aktiviti perekonomian seperti Tamu Bulanan, Pesta Buah-Buahan dan sebagainya serta jualan produk yang diadakan di tempat masing-masing. Itulah faktor yang meningkatkan hasil-hasil daripada Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

2. Berkenaan saranan daripada Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee,

dari segi menyediakan panduan MPK industri diterima baik. Sebagai contoh jua, *Human Resources Committee Framework* bagi Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung ini boleh dilaratkan kepada Majlis Perundingan Mukim dan Kampung. Sebagaimana jua *core business* Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ini bukan sahaja untuk "meliat" Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, malah seluruh masyarakat di kampung-kampung berkenaan. Kementerian mengalu-alukan mana-mana Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang berhasrat dari segi *Human Resources Committees Framework* dan memandangkan jua Petunjuk Prestasi Utama (*KPIs*) Penghulu Mukim dan Ketua Kampung telah diperkenalkan, maka peranan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung jua untuk melihat perkembangan MPM/MPK. ﴿شَاءَ اللّٰهُ إِنْ﴾, Kementerian memang sentiasa secara terbuka sama ada dari segi sesi muzakarah yang kaola kongsikan tadi dan jua sesi muzakarah antara Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dengan pegawai-pegawai daerah di tempat masing-masing.

3. Berkennaan kulinari. "Macamana kan" membuat ambuyat *well known* kepada antarabangsa. Memang satu saranan yang baik Yang Berhormat Pengerusi untuk "kitani" mempromosikan kulinari tempatan "kitani". Sebagai contoh, ambuyat sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Dayang Chong Chin

Yee tadi. Memang perkara ini sudah semasa lawatan kementerian dengan pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, untuk mengetahui peluang-peluang bagi meningkatkan perekonomian kampung sebagai rakan strategik sebagai contoh yang dibangkitkan ialah ambuyat tadi. Kaola mengongsikan, memang Majlis Perundingan (MPK) Ukong, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Batu Apoi, memang dua majlis perundingan pengusaha ambulong, Yang Berhormat Pengerusi.

Lawatan kaola di kedua tempat di Batu Apoi, sebagai contoh jua Batu Apoi pada masa ini fasa untuk mendapatkan mesin yang lebih bersesuaian dan pada masa ini di Ukong, pembinaan kilang pembersihan ambulong yang baru mempunyai tapak yang luas dan mendapatkan hasil sago. Ini jua pernah disuarakan sama ada boleh berkolaborasi, sebagaimana jua saranan daripada Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, berkenaan berkongsi sama dari segi resepinya. Ini boleh jua, mungkin Batu Apoi boleh membekalkan rumbianya dan di Ukong ada kilang yang besar yang akan dibina, mungkin boleh jadi satu produk Brunei yang boleh dipasarkan secara domestik dan global. Itu boleh kerjasama, *between* Majlis Perundingan Kampung itu sendiri untuk bekerjasama. Kementerian menyokong apa saja kolaborasi yang

boleh meningkatkan perekonomian sesebuah kampung itu. Itu saja Yang Berhormat Pengerusi daripada kaola, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ رَبِّ الْجِمِيعِ
أَسْرِفُ الْأَنْبِيَاءَ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدُنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ، dan salam sejahtera.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, atas mukadimah yang panjang lebar pagi tadi dan tahniah atas inisiatif dan usaha-usaha yang telah dijalankan.

Pada masa ini terdapat peningkatan jumlah anjing, monyet dan buaya yang terbiar di sana sini. Ini telah menimbulkan kebimbangan ketara terhadap keselamatan dan kesejahteraan awam terutama di kawasan-kawasan perumahan.

Haiwan liar yang berkeliaran di tempat awam boleh membawa kepada pelbagai isu di samping keselamatan dan juga menimbulkan risiko kesihatan. Buaya ini dapat dilihat di pantai-pantai, sungai-sungai dan juga longkang-longkang besar berdekatan kediaman yang pada dahulunya tidak kedengaran.

Pertubuhan bukan kerajaan seperti *Sejahtera Community Brunei* dan Post-Up menggunakan strategi program *Trap-Neuter-Return (TNR)* untuk menangani bilangan mereka iaitu mengembirikan anjing-anjing liar tersebut dan melepaskannya balik.

Seperti mana yang kaola difahamkan, program ini juga bergantung kepada dana daripada orang awam untuk berfungsi. Tetapi, sebaliknya mereka terdapat cabaran yang menghalang pengurangan bilangan haiwan khususnya anjing-anjing di merata-rata tempat.

Kaola mengambil maklum Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah memulakan operasi pemindahan anjing liar dan terbiar secara berperingkat dan telah menujuhkan pusat perlindungan haiwan untuk menempatkan anjing liar yang dipindahkan dari tempat awam termasuklah masjid, sekolah-sekolah, pasar-pasar malam dan pusat membeli belah. Telah dijelaskan pagi tadi, sebanyak 13 ekor anjing telah ditangkap, walau bagaimanapun kaola mohon pencerahan dan penjelasan lebih lanjut mengenai kapasiti tempat perlindungan.

Kebimbangan telah dibangkitkan oleh orang ramai berhubung muatan pusat perlindungan itu iaitu hanya menampung sebanyak 150 ekor anjing liar untuk menyimpan anjing-anjing liar di pusat perlindungan tersebut. Daripada apa yang kaola sebutkan di atas, tempat perlindungan anjing-anjing ini adalah jelas tidak mencukupi. Apakah usaha-usaha kementerian seterusnya untuk

menempatkan anjing-anjing yang masih berkeliaran bukan sahaja di tempat awam seperti mana kaola sebutkan tadi tetapi juga di kawasan perumahan? Adakah anjing jantan dan betina diasingkan untuk mencegah pembiakan anjing-anjing tersebut dan di samping itu untuk mencegah penularan *rabies*? Adakah anjing-anjing yang di tempat perlindungan tersebut dikebirikan agar mengurangkan bilangan anjing-anjing berkenaan? Seterusnya anjing-anjing liar ini besar kemungkinan akan membawa penyakit *rabies*, jadi apakah langkah-langkah pencegahan agar penyakit ini tidak berlaku dan merebak dengan luas? Akhirnya, apakah rancangan jangka panjang kementerian dalam menguruskan bilangan haiwan liar seperti anjing, buaya dan monyet?

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin berkenaan dengan soalan yang diajukan.

Jumlah anjing yang dalam *national shelter* bukan 13 ekor tetapi 31 ekor. Jadi, pada masa ini kementerian ada membuat 54 sangkar penangkapan anjing. Dari segi kapasiti, 1 *shelter* itu boleh memuatkan 150 ke 200 ekor anjing. Ini bukan sahaja ditempatkan di sana Yang Berhormat Pengerusi, memang pihak kementerian juga menawarkan kepada yang mahu

memelihara anjing-anjing ini sama ada untuk menjaga kebunnya ataupun untuk menjadi binatang peliharaan kepada yang berkenaan. Jadi, soalan lain berkenaan dengan adakah anjing betina dan jantan ini ditemukan? Jawapannya tidak. Ia diasingkan juga untuk memastikan tiada pembiakan anjing-anjing ini dan juga إِنْ شَاءَ اللّٰهُ مَمْضٍّ memang bekerjasama dengan *NGOs*, Sejahtera dan *Post Up* untuk menangani isu anjing ini.

Kalau kita lihat memang dikebiri dan dilepaskan. Isu yang timbul bukan disebabkan ia tidak membiak, tetapi disebabkan oleh anjing itu sendiri yang menyerang *public*. Jadi inilah usaha kementerian untuk memberikan satu *knowledge* kepada *public* ini bagaimana menangani ataupun berhadapan dengan anjing-anjing ini sama ada untuk memastikan supaya tidak ada penyerangan daripada anjing-anjing ini.

Kebanyakan yang abiskaola terima adalah disebabkan oleh binatang ini disergah, ia ada cara pertahanannya sendiri. Jadi, itulah yang membuatkan anjing menyerang. Kementerian di bawah Jabatan Bandaran dan Jabatan Daerah memang membuat keputusan untuk menangkap anjing-anjing ini dan tidak akan dilepaskan. Ia akan disimpan di *national shelter* untuk memastikan keberadaan anjing-anjing di kawasan *hotspot* ini terutama sekali di tempat orang beriadah akan berkurangan.

Tetapi, dari segi penjagaannya, memang mengikut standard piawaian yang tertentu yang diguna pakai oleh *NGOs*

yang sudah lama mengendalikan isu-isu anjing liar ini.

Berkenaan dengan *rabies*, ia di bawah kawalan MPRT *Zoonatik Task Force* kerjasama dengan tiga kementerian iaitu Kementerian Perindustrian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Perkara ini *Zoonatik Task Force, jointly taskforce* telah mengeluarkan siaran akhbar pada 19 Ogos 2023 mengenai dengan kes jangkitan *rabies* di Miri, Sarawak dan memaklumkan bahawa tiada kes jangkitan *rabies* dalam kalangan manusia ataupun haiwan telah direkodkan di Negara Brunei Darussalam.

Jadi, Negara Brunei Darussalam adalah *rabies free* tetapi dikelilingi oleh negara-negara yang mana *rabies* berstatus endemik. Jadi, dari segi pengetahuan dari masa ke masa memang dilaksanakan.

Dari segi *shelter*, kalau sekiranya ada memerlukan *shelter* untuk dibuat lagi memang kementerian akan melaksanakannya. Kaola mengambil kesempatan ini juga untuk memaklumkan bahawa pemilik anjing di Negara Brunei Darussalam mestilah mendaftarkan anjing mereka seperti yang diperuntukan di bawah Bab 2 Akta Anjing Penggal 60 dan anjing-anjing yang didaftarkan akan diberikan label logam bernombor.

Jika pemilik anjing gagal mendaftarkan anjing-anjing mereka, jika sabit kesalahan akan dikenakan denda \$250

atau jika gagal membayar akan dipenjara selama 14 hari. Jadi, masa ini program melesen anjing-anjing sudah berjalan dan ﴿إِنَّ شَاءَ اللَّهُ مَا نَهَا﴾ Mana-mana anjing yang telah didaftarkan dulu akan dipersoalkan keberadaan anjing-anjing berkenaan. Jadi pihak kementerian dan Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan akan membuat penelitian terhadap permohonan-permohonan lesen baru ini dan lesen-lesen lama yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Bandaran. Adalah menjadi peranan setiap pemilik ini untuk juga membantu pihak kerajaan untuk memastikan kemaslahatan masyarakat terjaga.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin berkenaan soalan terhadap buaya dan juga monyet liar.

Sebenarnya, kedua-dua perkara itu adalah di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Berkenaan dengan masalah buaya masa ini memang diakui bahawa masalah buaya ini semakin serius, bukan sahaja di negara ini malah di negara jiran 'kitani'.

Jadi, setakat ini *أَلْحَمْدُ لِلَّهِ we have effort* di bawah Unit Divisyen Hidupan Liar telah

giat untuk mengawal keadaan ini. Setakat ini, sebanyak 57 ekor buaya telah pun ditangkap hasil daripada aduan dan juga penglihatan orang ramai. Dari tahun 2023 hingga hujung Februari 2024, 57 ekor buaya telah pun ditangkap. Berkennaan dengan inisiatif-inisiatif yang diambil oleh Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan ada beberapa inisiatif telah diambil, selain daripada mengadakan *roadshow* dan juga papan-papan tanda di kawasan-kawasan keberadaan buaya itu, pihak Jabatan Perhutanan Bahagian Hidupan Liar mengadakan program tangkap buaya bersama yang mana program ini melibatkan anak-anak kampung dan juga pihak Bahagian Hidupan Liar dengan kerjasama pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Pasukan Polis Diraja Brunei untuk membuat tangkapan di bawah ‘Program Tangkap Buaya Bersama’. Setakat ini yang melibatkan Kampung Ayer di mana sebanyak 51 ‘jail’ telah dipasang yang mana menghasilkan 6 ekor buaya telah ditangkap.

Selain daripada itu, Kementerian Sumber-Sumber Utama, iaitu di bawah Bahagian Hidupan Luar, Jabatan Perhutanan juga sedang berusaha untuk mengambil *experts* untuk menangkap buaya-buaya ini, yang mana hasil daripada tangkapan itu akan disimpan di bahagian santuarinya di Kampung Sinaut untuk dikumpulkan di sana agar mereka tidak lagi berkeliaran.

Hopefully dengan adanya *experts* akan dapat lebih efektif lagi *in terms of* penangkapan buaya-buaya terutama sekali di kawasan yang berhampiran

dengan penduduk-penduduk, orang ramai atau pun orang kampung. Di samping itu, terdapat juga satu program mengenai kajian populasi buaya sedang diadakan. Buat masa ini sudah dibuat di Sungai Brunei dan akan dilaratkan kepada Sungai Tutong, Sungai Belait dan Sungai Temburong di mana *once* sudah kajian populasi buaya ini selesai, *we will be able to establish whether* ia *endangered* ataupun sudah menular *populationnya* jika sekiranya terbukti bukan lagi ditahap *endangered*, kita oleh membuat *culling*. Dari sana, kita akan dapat membuat *exemption* dari *regulation* dan kemudian menjual hasil-hasil daripada kulit buaya itu secara komersial. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* projek ini akan siap dalam masa setahun lebih lagi.

Berkennaan monyet-monyet yang liar ini, terdapat masalah kekurangan makanan dan juga habitat yang telah musnah di kawasan-kawasan bandar dan juga tempat-tempat kediaman. Inilah satu *reason why* banyak monyet-monyet tersebut mencari makan di tong-tong sampah, kadang-kadang mencuri makanan.

Jadi jika sekiranya ada masalah ini, ia akan ditangani melalui penangkapan monyet-monyet liar tersebut dan kemudian dipindah di kawasan-kawasan yang sesuai. Itulah inisiatif yang dibuat pada masa ini oleh pihak Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ada lagi *input* lain untuk mengurangkan bahaya buaya atau pun monyet-monyet yang berkeliaran di kampung-kampung ini? Ahli-Ahli Yang Berhormat saya kira cukup sekian kita berunding dalam peringkat Jawatankuasa, maka saya cadangkan kita beralih pula ke Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa
ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang
semula)**

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Saya ingin mencadangkan supaya persidangan kita ini ditangguhkan dan kita akan bersidang semula pada hari Isnin, 4 Mac 2024 mulai pukul 2:00 petang.

Sekian,
وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالهُدَايَا. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)